

Banjir bertambah buruk

KUALA LUMPUR -

Keadaan banjir di Terengganu dan Kelantan bertambah buruk petang semalam apabila jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan di dua negeri itu meningkat kepada 21,800 orang berbanding 14,930 pagi semalam.

Banjir di Terengganu setakat petang semalam telah meragut enam nyawa iaitu tiga di Kemaman, dua di Setiu dan seorang di Kuala Terengganu.

Menurut portal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), paras air Sungai Golok di Rantau Panjang, Kelantan dan Sungai Dungun di Jambatan Jerangau, Terengganu telah melebihi paras bahaya setakat pukul 5 petang.

Mangsa banjir di Pahang berkurangan kepada 435 orang berbanding 994 orang pagi se-



Penduduk terpaksa menaiki sampan ketika melalui jalan di hadapan SMK Chukai.

malam. Mangsa banjir di Johor kini seramai 13 orang di mana tiada mangsa banjir dicatatkan pagi semalam di negeri itu.

Di TERENGGANU, keseluruhan mangsa banjir yang berada di pusat penempatan

banjir sehingga pukul 5 petang semalam meningkat kepada 14,894 orang berbanding 8,173 orang pada sebelah pagi.

Menurut portal banjir negeri, sebanyak lima pusat pemindahan baru dibuka men-

jadikan keseluruhan 76 pusat pemindahan.

Di Kemaman jumlah mangsa yang berada di pusat pemindahan petang ini ialah seramai 9,601, Dungun (4,026), Kuala Terengganu (935), Setiu (185), Hulu Terengganu (104), Besut (31) dan Marang (12).

Di KELANTAN, jumlah mangsa banjir mencatatkan peningkatan walaupun pusat pemindahan di tiga jajahan iaitu di Machang, Tanah Merah dan Kuala Krai ditutup tengah hari semalam.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, jumlah yang ditempatkan di 28 buah pusat pemindahan di empat jajahan ketika ini adalah seramai 7,000 orang berbanding 6,757 orang pada sebelah pagi.

Peningkatan ketara jumlah mangsa yang berpindah

itu adalah di Tumpat berikutan limpahan air Sungai Golok yang kini masih berada di paras bahaya.

Pasir Mas mencatatkan jumlah mangsa banjir terbanyak dengan 4,279 orang diikuti Tumpat (2,329), Kota Baharu (247) dan Pasir Puteh (145). Kesemua mangsa perpindahan itu membabitkan 2,197 buah keluarga.

Di PAHANG, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata keadaan banjir beransur pulih dengan jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Kuantan dan Pekan semakin berkurangan.

"Mangsa di Kuantan menurun kepada 391 orang daripada 92 keluarga di empat pusat pemindahan,"katanya.